



JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA
ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI BIL. 6 /2024

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi
Pengarah Insolvensi Bahagian
Pengarah Insolvensi Negeri
Timbalan Pengarah Insolvensi
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi
Penolong Pengarah Insolvensi
Pegawai Insolvensi Utama
Ketua Cawangan
Pegawai Insolvensi

**GARIS PANDUAN BERHUBUNG TATACARA PENUTUPAN FAIL
KEBANKRAPAN YANG MASIH AKTIF NAMUN FAIL FIZIKAL TIDAK DAPAT
DIKESAN**

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada Cawangan mengenai tatacara penutupan fail bagi kes kebankrapan yang aktif namun fail fizikal tidak dapat dikesan.

2.0 SKOP PEMAKAIAN

Panduan ini hendaklah digunakan meliputi fail kebankrapan yang direkodkan mulai dari tahun 2015 dan ke bawah sahaja.

3.0 DEFINISI DAN TAFSIRAN

Bagi tujuan arahan ini –

- 3.1 “Cawangan” bermaksud semua Cawangan Mdl;
- 3.2 “Ibu Pejabat” bermaksud Bahagian Kebankrapan;
- 3.3 “Pegawai Insolvensi” bermaksud pegawai insolvensi (PI) yang mengendalikan kes-kes kebankrapan di Cawangan; dan
- 3.4 “Pengarah Insolvensi Negeri” bermaksud Pengarah Insolvensi Negeri (PIN) atau Ketua Cawangan (KC).

4.0 LATAR BELAKANG

- 4.1 Bahagian Kebankrapan sering menerima pertanyaan daripada cawangan-cawangan mengenai tindakan yang perlu dilaksanakan ke atas fail kes kebankrapan yang masih aktif berdasarkan kepada rekod namun, fail fizikal yang tidak dapat dikesan.
- 4.2 Isu ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Isu Operasi dan Perundangan Bil.3 Tahun 2022 pada 19 hingga 20 Ogos 2022 yang lalu di mana mesyuarat telah memutuskan kes-kes lama berstatus aktif di cawangan yang mempunyai rekod serta maklumat dalam manual pendaftaran PM6 namun fail fizikal pentadbiran tidak wujud, tiada rekod terimaan pembayaran deposit, tiada rekod dalam sistem INSIST atau seumpamanya diambil tindakan untuk pelepasan sijil Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) di bawah seksyen 33A Akta 360.
- 4.3 Isu ini juga turut dibangkitkan dalam Mesyuarat *State Director Meeting* (SDM) Bil. 1 Tahun 2023 pada 10 hingga 13 Mei 2023 untuk Bahagian ini mendapatkan jalan penyelesaian berhubung fail-fail yang tidak dapat dikesan ini.
- 4.4 Selanjutnya, perkara ini juga telah dibangkitkan oleh Bahagian Mahkamah semasa Mesyuarat Pengurusan Bil. 1 Tahun 2023 yang telah diadakan pada 8 Mei 2023 di mana Bahagian Mahkamah memaklumkan telah mengadakan

perbincangan bersama Pengarah Insolvensi Negeri, Mdl Negeri Johor Bahru berhubung permohonan arahan Mahkamah di bawah subseksyen 85(3) Akta 360 bagi penutupan fail-fail lama yang tidak dapat dikesan untuk dijadikan sebagai *test case*. Perkara ini turut dibincangkan dalam Mesyuarat *State Director Meeting (SDM)* pada 28 Ogos 2023 hingga 30 Ogos 2023.

- 4.5 Walau bagaimanapun, terdapat pertindihan keputusan di mana terdapat Arahan Dasar Jabatan Berhubung Kaedah Penutupan Fail Tahun 1950an, 1960an, 1970an dan 1980an Yang Masih Aktif dan Fail Fizikal Gagal Dikesan yang masih berkuat kuasa yang menyatakan kes-kes lama yang tidak mempunyai fail fizikal perlu dibawa perhatian ke Mahkamah untuk mendapatkan arahan bagi mengecualikan proses undang-undang di bawah seksyen 33B Akta 360 sebagaimana perenggan 14 hingga 19 dalam arahan dasar tersebut.
- 4.6 Selanjutnya, Bahagian ini telah merujuk Bahagian Dasar, Perundangan dan Komunikasi Strategik (BDPKS) pada 5 Januari 2023 untuk mendapatkan pengesahan lanjut berkaitan Arahan Dasar Jabatan Berhubung Kaedah Penutupan Fail Tahun 1950an, 1960an, 1970an dan 1980an Yang Masih Aktif dan Fail Fizikal Gagal Dikesan tersebut. Bahagian ini juga telah menerima maklum balas daripada BDPKS pada 9 Januari 2023 dan berpandangan bahawa dokumen Dasar Jabatan yang dikeluarkan sebelum ini tidak ditandatangan dan tidak mempunyai tarikh kuat kuasa sebagaimana Arahan KPI lain yang dikeluarkan pada ketika itu.
- 4.7 Bahagian ini selanjutnya telah mengangkat perkara ini kepada Pengurusan Tertinggi Mdl pada 21 Ogos 2023 dan mengarahkan Bahagian ini supaya menyediakan arahan KPI yang baharu untuk edaran kepada semua Mdl Cawangan.
- 4.8 Untuk pelaksanaan arahan ini, Mdl hendaklah memastikan penutupan fail pentadbiran kes di cawangan dan penamatkan kes yang ditadbir oleh cawangan berdasarkan kepada peruntukan undang-undang kebankrapan yang berkuat kuasa.

5.0 PELAKSANAAN

- 5.1 Secara umum, penamatan dan penutupan pentadbiran kes kebankrapan adalah penting bagi memastikan pentadbiran kes di Cawangan selesai bagi tujuan pelupusan fail. Ini berikutan, KPI hanya akan dilepaskan sebagai Pentadbir kes kebankrapan selaras dengan seksyen 82 Akta 360 apabila kesemua tanggungjawab statutori KPI telah selesai termasuk estet bankrap telah pun dikosongkan.
- 5.2 Sehubungan dengan itu, bagi memastikan KPI dapat dilepaskan sebagai Pentadbir, fail fizikal kes kebankrapan yang tidak dapat dikesan namun berdasarkan rekod Cawangan kes masih aktif sama ada dalam buku pendaftaran manual seperti PM6 atau seumpamanya sewajarnya ditutup. Selain itu, terdapat keadaan-keadaan lain yang dihadapi oleh cawangan seperti yang berikut:
 - (i) Fail fizikal yang tidak wujud - rekod hanya berdasarkan Nama, No.KP dan Nombor Kes dalam PM6;
 - (ii) Fail hanya terdapat kulit fail - ada wang deposit kebankrapan, dokumen dan surat notifikasi awalan tiada;
 - (iii) Fail hanya berdasarkan rujukan *masterlist* Cawangan serta rujukan dokumen statutori;
 - (iv) Tiada fizikal fail namun wang deposit kebankrapan masih wujud; dan
 - (v) Rekod dalam sistem INSIST masih wujud namun tiada fizikal fail.

5.3 Oleh itu, bagi tujuan penyeragaman tatacara penutupan fail, cawangan hendaklah melaksanakan kaedah seperti yang berikut:

BIL	SITUASI	TINDAKAN PENYELESAIAN
(i)	Fail fizikal yang tidak wujud - rekod hanya berdasarkan Nama, No.KP dan Nombor Kes dalam PM6.	Memfailkan permohonan Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 82 Akta 360 ke Mahkamah dengan memohon untuk pengecualian notis cadangan untuk pelepasan seksyen 82 kepada pemutang.
(ii)	Fail hanya terdapat kulit fail - ada wang deposit kebankrapan, dokumen dan surat awalan tiada.	Memfailkan permohonan Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 82 Akta 360 ke Mahkamah dengan memohon untuk pengecualian notis cadangan untuk pelepasan seksyen 82 kepada pemutang dan deposit yang tidak dituntut dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang yang Tidak Dituntut (WTD).
(iii)	Fail hanya berdasarkan rujukan <i>masterlist</i> Cawangan serta rujukan dokumen statutori.	Memproses permohonan pelepasan di bawah seksyen 33A Akta 360 dan seterusnya memfailkan permohonan di bawah seksyen 82 Akta 360 dengan memohon untuk pengecualian notis cadangan untuk pelepasan seksyen 82 kepada pemutang.

(iv)	Tiada fizikal fail namun wang deposit kebankrapan masih wujud	Memfailkan permohonan Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 82 Akta 360 ke Mahkamah dengan memohon untuk pengecualian notis cadangan untuk pelepasan seksyen 82 kepada pemutang dan deposit yang tidak dituntut dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang yang Tidak Dituntut (WTD).
(v)	<p>Rekod dalam sistem INSIST masih wujud namun tiada fizikal fail.</p> <p>(a) Ada deposit;</p> <p>(b) Tiada baki deposit</p>	<p>Memproses permohonan pelepasan di bawah seksyen 33A Akta 360 dan seterusnya memfailkan permohonan di bawah seksyen 82 Akta 360 dengan memohon untuk pengecualian notis cadangan untuk pelepasan seksyen 82 kepada pemutang. Mengambil tindakan pemulangan deposit kepada pempetisyen namun sekiranya tiada pihak menuntut, wang deposit dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang yang Tidak Dituntut (WTD). Sekiranya tiada deposit, tindakan untuk memproses permohonan pelepasan di bawah seksyen 33A Akta 360 dan seterusnya memfailkan permohonan di bawah seksyen 82 Akta 360 dengan memohon untuk</p>

		pengecualian notis cadangan untuk pelepasan seksyen 82 kepada pemutang.
--	--	---

- 5.4 Walau bagaimanapun, sebelum Cawangan melaksanakan tindakan sebagaimana di atas, Cawangan hendaklah memastikan dan mengambil tindakan seperti yang berikut:
- (i) mengambil tindakan sewajarnya bagi mengesan fail fizikal;
 - (ii) Sekiranya pengesanan tidak berjaya, satu perakuan atau pengesahan bertulis perlu dibuat oleh pencari fail, pegawai meja dan Pengarah Insolvensi Negeri bahawa tindakan wajar untuk mengesan fail telah diambil (**rujuk Lampiran A**); dan
 - (iii) Menyemak dan memastikan kewujudan lejar estet dan jumlah deposit kebankrapan di Unit Akaun Cawangan;
- 5.5 Setelah melaksanakan tindakan sebagaimana di perenggan di atas, Cawangan hendaklah memproses permohonan untuk pelupusan fail yang berkenaan selaras dengan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian (JPR).
- 5.6 Pelaksanaan garis panduan ini hendaklah dipatuhi bersama arahan-arahan lain yang masih berkuat kuasa.
- 5.7 Sekiranya terdapat lain-lain keadaan kes sebagaimana dinyatakan di atas, cawangan hendaklah merujuk Bahagian Kebankrapan untuk mendapatkan arahan lanjut.


6.0 PEMBATALAN

Oleh yang demikian, Arahan Dasar Jabatan Berhubung Kaedah Penutupan Fail Tahun 1950an,1960an,1970an dan 1980an Yang Masih Aktif dan Fail Fizikal Gagal Dikesan, Arahan Bahagian Kebankrapan melalui e-mel bertarikh 20 Ogos 2019 dan

perenggan 1.5 di Arahan Jabatan Bil.2 Tahun 1982 yang bertarikh 4 November 1982 adalah dibatalkan.

7.0 KUAT KUASA

Arahan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.


(DATUK M. BAKRI ABD MAJID)

Ketua Pengarah Insolvensi
Jabatan Insolvensi Malaysia

Tarikh: 18 Oktober 2024

LAMPIRAN A

SURAT AKUAN

Saya, (Nama); No. Kad Pengenalan;..... Unit/Bahagian..... Mdl Cawangan..... beralamat.....
.....

Dengan ini sesungguhnya dan sebenarnya menyatakan bahawa tindakan pengesanan fail seperti maklumat berikut telah dibuat terhadap:

- (a) Nama bankrap : _____
- (b) No. K/P : _____
- (c) No. Insolvensi : _____
- (d) No. Kes Mahkamah : _____

Saya telah mengambil tindakan sewajarnya untuk mengesan fail dan sepanjang pencarian fail, saya mendapati tiada fizikal fail yang direkodkan atau didaftarkan dalam sistem pemfailan di Mdl (nyatakan cawangan);

Saya juga telah berusaha dengan sedaya upaya untuk mengesan fail fizikal termasuk carian fail di Mahkamah Tinggi (nyatakan Mahkamah Negeri) namun Mahkamah juga tidak mempunyai rekod fail tersebut.

Diperakui oleh :

Disahkan oleh:

Pegawai Meja
Tarikh :

Pengarah Insolvensi Negeri/ Ketua Cawangan
Tarikh :